

Hubungan di antara Stigma Sosial dan Sokongan Sosial terhadap Penglibatan Aktiviti Masyarakat dalam kalangan Bekas Banduan

by Mohd Suhaimi Mohamad

Submission date: 01-Jul-2024 09:42AM (UTC+0800)

Submission ID: 2410910971

File name: ebangi02cleanturnitin.docx (4.21M)

Word count: 3766

Character count: 24464

Artikel

Hubungan di antara Stigma Sosial dan Sokongan Sosial terhadap Penglibatan Aktiviti Masyarakat dalam kalangan Bekas Banduan

(The Relationship between Social Stigma and Social Support on Community Involvement among Ex-Prisoners)

Mohd Suhaimi Mohamad ^{1,*}, Fauziah Ibrahim ¹, Mohamad Rahim Kamaluddin ¹ dan Divaghar Voothayakumar ¹

¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, ⁶Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang koresponden: msuhaimi@ukm.edu.my

Abstrak: Penglibatan dalam aktiviti masyarakat merupakan salah satu indikator kejayaan pengintegrasian semula bekas banduan. Faktor stigma sosial dan sokongan sosial sering dikatakan mempengaruhi penglibatan ini. Kertas ini bertujuan untuk menilai hubungan antara stigma sosial, sokongan sosial, dan penglibatan aktiviti masyarakat dalam kalangan bekas banduan. Rekabentuk kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Seramai 250 orang bekas banduan yang berada di Lembah Klang telah direkrut untuk menjawab satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga instrumen iaitu *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS), Skala Stigma Sosial dan Skala Penglibatan dalam Aktiviti Masyarakat. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan sosial dan penglibatan aktiviti masyarakat. Manakala, terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara stigma sosial dengan penglibatan aktiviti masyarakat dan sokongan sosial bekas banduan. Program intervensi yang spesifik perlu dibangunkan untuk mengurangkan stigma sosial dan meningkatkan sokongan sosial kepada bekas banduan. Semua pihak perlu bekerjasama secara strategik bagi mengurangkan kadar residivis dan memastikan bekas banduan berjaya berintegrasikan semula dalam masyarakat.

Kata kunci: stigma sosial, sokongan sosial, penglibatan, aktiviti masyarakat, bekas banduan.

Abstract: Involvement in community activities is one of the indicators of successful reintegration of ex-prisoners. Factors such as social stigma and social support are often said to influence this involvement. This paper aims to assess the relationship between social stigma, social support, and involvement in community activities among ex-prisoners. A quantitative study design using a survey method was employed. A total of 250 ex-prisoners in the Klang Valley were recruited to respond to a questionnaire consisting of three instruments: the Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS), the Social Stigma Scale, and the Community Activity Involvement Scale. The study found a significant positive relationship between social support and involvement in community activities. Conversely, there was a significant negative relationship between social stigma and involvement in community activities, as well as social support for ex-prisoners. Specific intervention programs need to be developed to reduce social stigma and enhance social support for ex-prisoners. Collaboration among all stakeholders is crucial to strategically reduce recidivism rates and ensure successful reintegration of ex-prisoners into society.

Keywords: social stigma, social support, involvement, community activities, ex-prisoner.

Pengenalan

Isu pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan penyelidik dan pengamal keadilan jenayah di Malaysia mahupun di luar negara. Banduan yang bebas dari penjara seringkali menghadapi pelbagai cabaran dalam proses transisi ke dalam masyarakat. Antara cabaran yang paling besar ialah mereka seringkali mengalami stigma dan tidak diterima malah dipinggirkan oleh masyarakat (Sathoo et al. 2021). Masyarakat berasa kurang selesa dengan kehadiran bekas banduan dalam aktiviti atau majlis-majlis keramaian. Justeru, bekas banduan tidak dilibatkan bersama dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat menyebabkan bekas banduan sering mengasingkan diri daripada masyarakat. Stigma memberi kesan kepada sendiri seseorang dan menyebabkan bekas banduan tidak mempunyai keinginan untuk melibatkan diri dalam aktiviti bersama masyarakat (Jasni et al. 2018). Keengganan bekas banduan untuk bersama dengan masyarakat dijangka akan memberi kesan langsung terhadap pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Bekas banduan dikatakan telah kehilangan hubungan dengan masyarakat luar sepanjang tempoh penahanan, maka menjadi sukar untuk mereka melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti bersama masyarakat apabila dibebaskan malah mereka kemungkinan besar akan kembali kepada gaya hidup yang negatif atau terlibat semula dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang (Mathlin et al. 2022).

Apabila seseorang banduan menamatkan hukuman pemenjaraan dan kembali kepada masyarakat, mereka memerlukan sistem sokongan yang positif. Sokongan ini boleh menggalakkan gaya hidup yang bebas daripada jenayah, mengukuhkan tingkah laku yang positif dan boleh membantu mereka untuk menyara kehidupan. Vivares (2023) menyatakan bahawa seorang banduan boleh meninggalkan penjara apabila wujudnya seseorang individu yang signifikan sama ada daripada pihak keluarga, rakan, atau orang lain yang berusaha untuk memberi membimbing dan menjadi sumber sokongan apabila dibebaskan. Sokongan sosial kepada banduan terutamanya pada waktu pembebasan merupakan sokongan yang amat diperlukan untuk memastikan kejayaan dalam pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Sokongan sosial juga boleh mengurangkan keresahan yang dilalui oleh banduan terutama dalam aspek berkaitan dengan kewangan, tempat tinggal dan urusan makan minumannya (Mohd Suhaimi et al. 2023).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan di antara stigma sosial dan sokongan sosial terhadap penglibatan bekas banduan dalam aktiviti masyarakat. Ketiga-tiga pembolehubah yang dikaji adalah penting dan turut menjadi indikator kepada kejayaan pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat.

Sorotan Literatur

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat hubungan antara stigma sosial dan sokongan sosial terhadap penglibatan dalam aktiviti komuniti dalam kalangan bekas banduan (Jasni et al. 2018; Sathoo et al. 2021). Kajian mengenai pengintegrasian bekas banduan adalah penting untuk mempertimbangkan kesan stigma terhadap kesediaan mereka untuk terlibat dalam interaksi sosial dan peranan sokongan sosial dalam mengurangkan kesan stigma tersebut. Kajian-kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa stigma yang berkaitan dengan pelbagai faktor seperti rekod jenayah, HIV dan penyakit mental boleh mempengaruhi persepsi diri bekas banduan dan interaksi mereka dengan orang lain (Zang et al., 2014; Wang et al., 2022; Shettima et al., 2022). Stigma boleh membawa kepada perasaan malu, pengasingan, dan penolakan, yang boleh menghalang bekas banduan daripada menyertai aktiviti komuniti kerana takut akan penghakiman atau diskriminasi (Zang et al., 2014; Wang et al., 2022; Shettima et al., 2022).

Di samping itu, kewujudan sokongan sosial telah diakui sebagai faktor kritikal dalam mengurangkan kesan negatif stigma terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan hidup bekas banduan (Wang et al., 2022; Shettima et al., 2022). Kajian terdahulu telah menekankan bahawa rangkaian sokongan sosial boleh menawarkan bantuan sokongan emosi, instrumental, dan maklumat kepada individu yang menghadapi stigma malah ianya

juga dapat meningkatkan daya tahan dan mekanisme daya tindak kepada bekas banduan (Wang et al., 2022; Shettima et al., 2022). Dalam kajian ini, sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membantu bekas banduan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat dengan menyediakan penerimaan, dorongan, dan bantuan praktikal kepada mereka (Buck et al., 2021).

Kajian ini penting untuk melihat hubungan antara stigma dan sokongan sosial yang boleh mempengaruhi sikap bekas banduan terhadap penglibatan mereka di dalam aktiviti masyarakat. Shettima et al. (2022) mencadangkan bahawa stigma yang dirasakan boleh melemahkan keyakinan diri dan harga diri individu, menjadikan mereka kurang minat untuk terlibat dalam aktiviti sosial. Sebaliknya, sistem sokongan sosial yang kukuh boleh memperkasakan individu untuk mengatasi halangan yang berkaitan dengan stigma dan aktif menyertai inisiatif masyarakat (Shettima et al., 2022; Buck et al., 2021). Dengan mewujudkan persekitaran yang menyokong dan menghargai inklusiviti dan kefahaman, masyarakat boleh membantu bekas banduan merasa diterima dan termotivasi untuk menyumbang secara positif.

Memahami dinamik yang wujud antara stigma sosial, sokongan sosial, dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat adalah penting untuk mempromosikan kejayaan pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Dengan menangani stigma melalui pendidikan, advokasi, dan program pengurangan stigma, masyarakat boleh mewujudkan persekitaran lebih inklusif yang menyokong kesejahteraan dan penyertaan sosial bekas banduan walaupun mempunyai rekod jenayah (Shi et al., 2022). Tambahan lagi, dengan mengukuhkan rangkaian sokongan sosial dan menyediakan sumber sokongan untuk bekas banduan, masyarakat berupaya membantu mengurangkan kesan negatif stigma dan memperkasakan bekas banduan untuk terlibat secara bermakna dalam aktiviti masyarakat (Buck et al., 2021).

Justeru, artikel ini membincangkan kewujudan hubungan antara stigma sosial dan sokongan sosial yang sangat mempengaruhi penglibatan bekas banduan dalam aktiviti masyarakat. Stigma sosial boleh menjadi penghalang kepada penyertaan, manakala sokongan sosial boleh bertindak sebagai faktor pelindung yang membolehkan individu mengatasi cabaran yang berkaitan dengan stigma sosial. Dengan mewujudkan persekitaran yang menyokong dan inklusif, masyarakat boleh mempromosikan keterangkuman sosial dan kesejahteraan hidup bekas banduan, yang akhirnya menyumbang kepada kejayaan pengintegrasian semula melalui penglibatan positif mereka sebagai sebahagian ahli masyarakat setempat. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini yang dibina berdasarkan ulasan literatur dan model yang berkaitan.

Methodologi

1. Rekabentuk Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif. Pengkaji memilih pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan kerana ia berupaya untuk mendapatkan maklum balas yang cepat dari ramai responden dalam satu-satu masa tertentu bagi membuat sesuatu kesimpulan tentang situasi yang berlaku (Neuman, 2014). Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A adalah latar belakang demografi responden, Bahagian B melibatkan alat ujian Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) dan Bahagian C1 meliputi Skala Stigma Sosial dan C2 Skala Penglibatan dalam Aktiviti Masyarakat. Menurut Orcher (2014), soal selidik sesuai bagi dalam kajian kualitatif kerana ianya kerap digunakan dan mudah untuk ditadbir terutamanya bagi kajian yang bukan bersifat eksperimen.

Alat ujian Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) adalah instrumen yang digunakan secara meluas yang direka oleh Zimet et al. (1988) untuk mengukur persepsi individu terhadap sokongan daripada tiga sumber: keluarga, rakan, dan orang yang penting. Ia terdiri daripada 12 soalan menggunakan skala Likert 5 mata (0 = sangat tidak bersetuju, 5 = sangat bersetuju), di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan sokongan sosial yang lebih besar. Nilai Cronbach Alfa bagi MSPSS adalah 0.957. Manakala Skala Stigma Sosial dan Skala Penglibatan Aktiviti Masyarakat yang dibangunkan oleh Sathoo (2019) digunakan dalam kajian ini. Bagi Skala Stigma Sosial terdapat 19 soalan menggunakan skala Likert 5 mata (0 = sangat tidak bersetuju, 5 = sangat bersetuju), di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan stigma sosial

yang lebih besar. Nilai Cronbach Alfa bagi skala stigma sosial adalah 0.927. Bagi Skala Penglibatan Aktiviti Masyarakat diukur menggunakan 7 soalan menggunakan skala Likert 5 mata (0 = sangat tidak bersetuju, 5 = sangat bersetuju), di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan penglibatan aktiviti masyarakat yang lebih banyak. Nilai Cronbach Alfa bagi skala ini adalah 0.632. Menurut Loewenthal (2001), sekiranya skala yang mempunyai bilangan soalan yang sedikit iaitu kurang daripada 10 maka penyelidik boleh mempertimbangkan nilai Cronbach Alfa 0.60 ke atas.

2. Persampelan

Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah bagi mengenalpasti responden kajian yang terdiri daripada bekas banduan yang telah dibebaskan dari penjara atau telah tamat tempoh Orang Diparol di Lembah Klang. Kaedah penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) digunapakai dalam kajian ini, di mana jika populasi bekas banduan dalam lingkungan 750 maka sampel yang diperlukan adalah sebanyak 254 responden. Secara keseluruhannya, sebanyak 280 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian melalui bantuan Pegawai Parol negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Namun hanya 250 borang soal selidik yang lengkap dan digunakan untuk dianalisis.

3. Analisis Data

Analisis deskriptif melalui perisian SPSS versi 27 digunakan untuk mengenalpasti frekuensi dan peratusan bagi faktor demografi bekas banduan. Manakala analisis inferensi digunakan untuk menilai hubungan di antara stigma sosial, sokongan sosial dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat oleh bekas banduan. Pekali Pearson (r) atau lebih dikenali sebagai Pearson's correlation coefficient, digunakan untuk menilai hubungan di antara ketiga-tiga pembolehubah kajian ini iaitu stigma sosial, sokongan sosial dan penglibatan aktiviti masyarakat.

Hasil kajian

1. Profil Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden, di mana kebanyakan bekas banduan dalam kajian ini berumur 30 tahun hingga 40 tahun dan hanya 8.8 peratus bekas banduan berumur 20 tahun ke bawah. Berdasarkan status perkahwinan, didapati majoriti bekas banduan dalam kajian ini telah berkahwin, hanya 13.6 peratus sahaja yang masih bujang dan 23.2 peratus sudah bercerai. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa hampir 50 peratus bekas banduan menerima hukuman penjara kurang dari 5 tahun, diikuti dengan tempoh hukuman 5 hingga 10 tahun sebanyak 38.0 peratus dan hanya 12.8 peratus bekas banduan yang dipenjarakan melebihi 10 tahun. Dari aspek kekerapan lawatan keluarga semasa di penjara didapati separuh daripada bekas banduan menerima lebih dari 3 kali lawatan dari ahli keluarga mereka dan sebanyak 22.4 peratus bekas banduan yang dilaporkan hanya sekali sahaja keluarga melawat mereka sepanjang di penjara.

2. Skor Stigma Sosial

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif skor stigma sosial oleh bekas banduan, di mana sebanyak 51.6 peratus bekas banduan mempunyai skor stigma sosial yang sederhana, diikuti dengan skor stigma sosial yang rendah (36.4%) dan skor stigma sosial yang tinggi (12.0%).

3. Skor Sokongan Sosial

Jadual 3 membentangkan hasil analisis deskriptif bagi *Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)* yang dilihat berdasarkan tiga dimensi sumber sokongan iaitu keluarga, rakan dan orang lain yang signifikan. Bagi bekas banduan, tahap sokongan sosial yang paling tinggi adalah daripada orang yang signifikan. Separuh daripada bekas banduan kajian ini mempunyai tahap sokongan keluarga yang sederhana. Manakala tahap sokongan daripada rakan dilihat sama rata antara skor sederhana, tinggi dan rendah.

4. Skor Penglibatan Aktiviti Masyarakat

Jadual 4 menunjukkan sebanyak 58.8 peratus bekas banduan dalam kajian ini mempunyai tahap penglibatan yang rendah dalam aktiviti masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, sebanyak 26.0 peratus bekas banduan terlibat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan sebanyak 15.2 peratus lagi bekas banduan terlibat secara sederhana dalam aktiviti masyarakat.

5. Hubungan antara Stigma Sosial dan Sokongan Sosial dengan Penglibatan Aktiviti Masyarakat

Analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson telah dijalankan untuk menilai hubungan antara stigma sosial, sokongan sosial dan penglibatan bekas banduan dalam aktiviti masyarakat. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis korelasi menunjukkan stigma sosial mempunyai hubungan negatif yang sangat signifikan dengan penglibatan dalam aktiviti masyarakat pada nilai $r = -0.614$ dengan nilai $p < 0.001$. Manakala sokongan sosial didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penglibatan pada nilai $r = 0.390$ dengan $p < 0.001$. Di samping itu, stigma sosial dan sokongan sosial bekas banduan mempunyai hubungan negatif yang sangat signifikan ($r = -0.734$, $p < 0.001$).

Perbincangan

Hasil deskriptif kajian ini memberi pandangan yang mendalam tentang beberapa aspek penting dalam kehidupan bekas banduan, termasuk latar belakang umur, status perkahwinan, tempoh hukuman, dan kekerapan lawatan keluarga. Ianya penting untuk memahami konteks sosial dan pengalaman hidup bekas banduan, baik semasa di penjara mahupun selepas dibebaskan. Jika dilihat dari aspek umur bekas banduan, majoriti mereka berada pada usia pertengahan yang dikatakan umur produktif iaitu mempunyai peranan dan tanggungjawab sosial untuk menyara kehidupan keluarga. Pada usia begini, latar belakang sosial bekas banduan yang mencabar boleh memberi tekanan hidup untuk mereka menyesuaikan diri kembali ke dalam masyarakat. Tambahan lagi, ramai bekas banduan dalam kajian ini telah berkahwin dan mempunyai tanggungjawab keluarga. Namun, peratusan perceraian yang agak tinggi (23.2 peratus) turut mencerminkan impak negatif pemenjaraan terhadap hubungan perkahwinan. Kesukaran mengekalkan hubungan semasa di penjara dan cabaran penyesuaian selepas dibebaskan boleh menyebabkan tekanan yang membawa kepada perceraian. Sebaliknya, bekas banduan yang masih bujang cenderung menghadapi cabaran yang berbeza, seperti kesulitan dalam membina hubungan baharu disebabkan stigma sosial sebagai bekas banduan.

Jika dilihat dari tempoh hukuman penjara yang diterima oleh bekas banduan, ia memberikan gambaran tentang tahap keterukan jenayah yang dilakukan. Hampir 50 peratus bekas banduan menerima hukuman penjara kurang dari 5 tahun, menunjukkan bahawa jenayah yang dilakukan mungkin tidak begitu serius atau mereka mungkin menerima hukuman yang lebih ringan kerana pelbagai faktor, termasuk kelakuan baik atau mitigasi lain. Tempoh hukuman penjara yang panjang boleh membawa kesan psikologi dan sosial yang mendalam kepada bekas banduan termasuk kesukaran mereka berintegrasi semula ke dalam masyarakat. Selain itu, kekerapan keluarga datang melawat semasa di penjara menjadi indikator penting bagi sokongan sosial yang diterima oleh bekas banduan. Separuh daripada bekas banduan menerima lebih dari 3 kali lawatan dari ahli keluarga, menunjukkan adanya sokongan yang kukuh yang boleh membantu dalam proses pemulihan dan penyesuaian selepas dibebaskan. Sokongan keluarga yang kuat sering dikaitkan dengan kadar pengulangan jenayah atau residivis yang lebih rendah (Sathoo et al. 2021). Sebaliknya, bekas banduan yang hanya menerima satu kali lawatan mungkin mengalami kekurangan sokongan sosial, yang boleh menjejaskan kesejahteraan emosi mereka dan boleh meningkatkan risiko residivis.

Dalam kajian ini, stigma sosial merujuk kepada label negatif yang diberikan oleh masyarakat kepada bekas banduan, yang mempengaruhi cara mereka diiktiraf dan dilayan selepas dibebaskan dari penjara. Sebahagian besar bekas banduan mengalami stigma sosial pada tahap sederhana. Ini mencerminkan bahawa

walaupun mereka tidak sepenuhnya terpinggir atau dilabel, mereka masih menghadapi cabaran dalam proses membina semula kehidupan (Shettima et al., 2022). Stigma sosial sederhana boleh mempengaruhi peluang pekerjaan, hubungan sosial, dan integrasi semula dalam masyarakat. Sebaliknya, 12.0% bekas banduan melaporkan mengalami stigma sosial yang tinggi. Ini adalah satu isu yang membimbangkan kerana tahap stigma yang tinggi boleh membawa kepada pengasingan sosial, masalah kesihatan mental, dan risiko pengulangan jenayah yang lebih besar tinggi (Mohd Suhaimi et al. 2023). Bekas banduan dalam kategori ini mungkin menghadapi kesukaran yang lebih besar dalam mencari pekerjaan, perumahan, dan sokongan sosial, serta menghadapi prejudis dan diskriminasi yang lebih ketara dalam interaksi harian mereka.

Selain itu, bekas banduan kajian ini juga melaporkan bahawa mereka menerima tahap sokongan sosial yang paling tinggi daripada orang yang signifikan, seperti pasangan, teman rapat, atau majikan. Sokongan ini cenderung lebih peribadi, mendalam, konsisten, dan dapat dipercayai, yang penting untuk kestabilan emosi dan psikologi mereka (Buck et al. 2021). Sebaliknya, sokongan daripada keluarga adalah sederhana bagi separuh bekas banduan, menunjukkan bahawa walaupun penting, ia tidak selalu mencukupi atau konsisten. Faktor-faktor seperti dinamik keluarga, sejarah hubungan, dan beban ekonomi mempengaruhi tahap sokongan keluarga. Sokongan daripada rakan pula menunjukkan agihan yang sama rata antara skor sederhana, tinggi, dan rendah, mencerminkan kepelbagaian dalam hubungan sosial yang dialami oleh bekas banduan. Sesetengah bekas banduan mendapat sokongan kuat dari rakan-rakan, sementara yang lain mungkin menghadapi stigma atau penolakan sosial.

Di samping itu, tahap penglibatan bekas banduan dalam aktiviti masyarakat adalah penting untuk reintegrasi mereka. Kebanyakan bekas banduan dalam kajian ini melaporkan penglibatan yang rendah. Ini disebabkan oleh stigma sosial, kurangnya kepercayaan diri, ketakutan terhadap penolakan, dan kekurangan program sokongan. Ianya boleh menghalang proses pemulihan dalam komuniti dan meningkatkan risiko pengulangan jenayah (Jasni et al. 2018). Namun, terdapat bekas banduan yang terlibat secara aktif dalam aktiviti masyarakat. Ini menunjukkan bahawa mereka berjaya mengatasi cabaran untuk membina jaringan sokongan sama ada melalui program sukarelawan, latihan kemahiran, dan aktiviti sosial. Bagi bekas banduan yang terlibat secara sederhana pula menunjukkan mereka dalam fasa peralihan dan memerlukan sokongan tambahan untuk penglibatan yang lebih penuh daripada masyarakat di sekeliling.

Hasil kajian ini mendapati wujud hubungan yang kuat antara stigma sosial, sokongan sosial, dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat bagi bekas banduan. Stigma sosial menghalang penglibatan masyarakat, dengan hubungan negatif yang sangat signifikan. Ini menunjukkan semakin tinggi stigma sosial, semakin rendah keterlibatan mereka. Stigma menyebabkan rasa malu, takut ditolak, dan diskriminasi, yang menghalang bekas banduan untuk berintegrasi semula ke dalam Masyarakat (Jasni et al. 2018). Sebaliknya, sokongan sosial memudahkan penglibatan mereka dengan masyarakat dan ianya menunjukkan hubungan positif yang signifikan. Bekas banduan yang menerima lebih banyak sokongan sosial dari keluarga, rakan, atau orang signifikan cenderung lebih aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan sering mendapatkan bantuan dan bimbingan sama ada secara praktikal atau emosi. Manakala, hubungan negatif yang sangat signifikan antara stigma sosial dan sokongan sosial menunjukkan bahawa stigma mengurangkan sokongan sosial yang diterima. Ini menekankan perlunya strategi untuk mengurangi stigma dan meningkatkan sokongan sosial. Dengan intervensi yang tepat, bekas banduan dapat menghadapi cabaran selepas dibebaskan dari penjara dan berjaya reintegrasi semula ke dalam masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa bekas banduan menghadapi stigma sosial yang dapat mempengaruhi pengintegrasian semula mereka ke dalam masyarakat. Sebahagian besar bekas banduan mengalami stigma sosial yang boleh menghalang mereka mendapatkan peluang pekerjaan dan membina hubungan sosial yang baik. Jika keadaan ini berterusan, ia boleh menyebabkan berlakunya pengasingan sosial dan masalah kesihatan mental. Bekas banduan sangat memerlukan sokongan sosial sama ada dari orang signifikan seperti pasangan dan teman rapat secara konsisten bagi membantu menstabilkan emosi mereka. Kebanyakan bekas banduan kurang terlibat dalam aktiviti masyarakat disebabkan oleh stigma sosial dan kekurangan program sokongan dalam masyarakat. Justeru, kerjasama yang strategik antara pihak kerajaan,

badan bukan kerajaan dan komuniti penting bagi memastikan proses pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat adalah berjaya. Hasil kajian ini juga penting untuk membantu ahli profesional seperti kaunselor, psikologis dan pekerja sosial untuk merangka program intervensi bagi mengurangkan stigma terhadap bekas banduan dan menggalakkan sokongan sosial yang berterusan dan konsisten agar mereka terus berjaya berintegrasi dalam masyarakat.

Penghargaan: Kajian ini telah mendapat pembiayaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/11. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Penjara Malaysia dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Kenyataan persetujuan termaklum: Persetujuan termaklum diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

6

Konflik kepentingan: Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

References

- Buck, K., Cochran, A., Young, H., Gordon, M., Yuen, H., & Tucker, S. (2021). The facilitators and barriers faced when transitioning back into the community following a prison sentence. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 66(10-11), 1156-1174.
- Jasni, M.A., Abu Bakar Ah, S.H, Mohd Yusoff, J.Z., Md. Shahid, K., Omar, N. & Azman, Z. (2018). Pendiskriminasian dan Stigma Masyarakat ke atas Bekas Banduan di Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society*, 14, 73-86.
- Loewenthal, K. M. (2001). *An introduction to psychological tests and scales*. UCL Press Limited.
- Mathlin, G., Freestone, M. & Jones, H. (2022). Factors associated with successful reintegration for male offenders: a systematic narrative review with implicit causal model. *Journal of Experimental Criminology*, (20221231), 1-40.
- Mohd Alif, J., Noralina, O., Siti Hajar, A. B. A., & Norruzeyati, C. M. N. (2021). Makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit berdasarkan teori interaksi simbolik: Kajian ke atas gelandangan bekas banduan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8), 82-106.
- Mohd Suhaimi M., Divaghar V., Mohamad Rahim K., Fauziah I., Manisah M. A., & Kausalya D. S. (2023). Hubungan di antara jenis personaliti dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan bekas banduan di Malaysia. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 20 (1), 303-311.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches (7th ed.)*. Pearson Education Limited.
- Orcher, L. T. (2014). *Conducting research: Social and behavioral science methods (2nd ed.)*. Routledge and Francis Group.
- Sathoo, K.D. (2019). Pengaruh faktor individu, sokongan sosial dan penilaian pemulihan terhadap pengintegrasian semula orang Diparol ke dalam Masyarakat: Kesihatan Mental sebagai Moderator. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sathoo, K., Ibrahim, F. & Wan Sulaiman, W. S. & Mohamad, M. S. (2021). Social Support for Optimal Reintegration of Malaysian Parolees into Community. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 431-443.
- Shettima, F., Wakil, M., Rabbebe, I., Kudale, H., & Pindar, S. (2022). The relationship between social support, internalized stigma of mental illness and recovery attitude among patients with schizophrenia in maiduguri. *American Journal of Psychology*, 4(1), 10-21.
- Shi, L., Silver, J., & Hickert, A. (2022). Conceptualizing and measuring public stigma toward people with prison records. *Criminal Justice and Behavior*, 49(11), 1676-1698.
- Vivares, K. (2023). The Reintegration of Ex-Convicts in Society: A Case Study. *International Journal of Social Science and Human Research*, 6(10), 6173-6180.

2

Wang, D., Zhou, Y., Liu, Y., Hao, Y., Zhang, J., Liu, T., & Ma, Y. (2022). Social support and depressive symptoms: exploring stigma and self-efficacy in a moderated mediation model. *BMC Psychiatry*, 22(117), 1-10.

1

Zang, C., Guida, J., Sun, Y., & Liu, H. (2014). Collectivism culture, HIV stigma and social network support in Anhui, China: a path analytic model. *Aids Patient Care and STDS*, 28(8), 452-458.

Hubungan di antara Stigma Sosial dan Sokongan Sosial terhadap Penglibatan Aktiviti Masyarakat dalam kalangan Bekas Banduan

ORIGINALITY REPORT

8%

SIMILARITY INDEX

%

INTERNET SOURCES

8%

PUBLICATIONS

0%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

- 1** Randolph C. H. Chan, Winnie W. S. Mak. "Cognitive, Regulatory, and Interpersonal Mechanisms of HIV Stigma on the Mental and Social Health of Men Who Have Sex With Men Living With HIV", *American Journal of Men's Health*, 2019
Publication 1%
- 2** Abelmouttelb Abdelkawy Abdelmouttelb, Sahar Mahmoud Mohamed Elewa, Fatma Ata Abdelsalhen. "Relation between Substance Use Craving and Self -Efficacy in Addict Patients", *Egyptian Journal of Health Care*, 2022
Publication 1%
- 3** N.K. Tharshini, Swee Kiong Wong, Faizah Haji Mas'ud, Kamsiah Ali, Nur Addila Ahmad. "Readiness for re-entry among pre-release prisoners in Sarawak, Malaysia", *The Journal of Forensic Practice*, 2024
Publication 1%

4

Ezhar Tamam, Moniza Waheed. "Intercultural Communication Study in Malaysia", Wiley, 2017

Publication

1 %

5

Gabriela Godoy Rodríguez, Roberto Lagunes Córdoba. "Sobre el estigma hacia personas exreclusas: ¿realmente aceptamos su reinserción social?", Revista Digital Universitaria, 2024

Publication

1 %

6

Yi Wan Seow, Zhi Yun Tan, Sylvia Chieng. "Analisis in-silico Peptida Berasaskan Epitop Daripada Protein-Protein Immunogen Burkholderia pseudomallei", Malaysian Applied Biology, 2022

Publication

1 %

7

Abbey K. Mann, Emma G. Fredrick, Brittany T. Wilkins. "Growing up in a rural area, social support, and internalized transphobia: Understanding Appalachian transgender mental and physical health.", Stigma and Health, 2023

Publication

<1 %

8

Andi Muskerina, Kurniati Zainuddin, Ahmad Ridfah. "Gaya Humor terhadap Optimisme Mahasiswa yang Sedang Menyelesaikan Skripsi", PHILANTHROPY: Journal of Psychology, 2018

Publication

<1 %

9

Arash Heydari, Ali Teymoori, Hedayat Nasiri. "Development of Suicidality within Socioeconomic Context: Mediation Effect of Parental Control and Anomie", OMEGA - Journal of Death and Dying, 2014

Publication

<1 %

10

Florentia Loizou. "Changes in teaching in order to help students with learning difficulties improve in Cypriot primary classes", Education 3-13, 2014

Publication

<1 %

11

Wahyu Utami. "Pengaruh Persepsi Stigma Sosial Dan Dukungan Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologis Pada Narapidana", Journal An-Nafs: Kajian Penelitian Psikologi, 2018

Publication

<1 %

12

Christine E. Rittenour, Matthew M. Martin. "Convergent Validity of the Communication Based Emotional Support Scale", Communication Studies, 2008

Publication

<1 %

13

Jordi Martínez Ventura. "Enseñanza de la Arquitectura y Educación para el desarrollo sostenible en España. Experiencia académica en grado y resultados de aprendizaje del alumnado del Máster Universitario en

<1 %

Arquitectura", Universitat Politecnica de Valencia, 2023

Publication

14

Aini Marzita Mansor, Mohd. Hasani Dali. "HUBUNGAN DAN KESAN KEPIMPINAN KENDIRI GURU TERHADAP GELAGAT KEWARGANEGARAAN ORGANISASI", Proceedings of the ICECRS, 2017

Publication

<1 %

15

Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria. "The Impact of Applying Religious Values through Online Problem-Based Learning among Undergraduate Students: A Quasi-Experimental Study", International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 2019

Publication

<1 %

16

"Agriculture Entrepreneurship on Youth: A Systematic Literature Review", International Journal of Environmental and Rural Development, 2022

Publication

<1 %

17

Afzal Izzaz Zahari, Nor Balkish Zakaria, Mohd Hizam Hanafiah, Lokman Effendi Ramli. "Challenges to reintegration: a case study of violent extremist detainees and their reintegration into Malaysian society", Safer Communities, 2023

Publication

<1 %

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off